AKHBAR UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT

TARIKH 06 MEI 2021 HARI **KHAMIS**

SENTIMEN: POSITIF

UTUSAN MALAYSIA

Dalam Negeri



PELANCARAN kempen Jom Beraya, Jom Menyimpan SSPN 2021 oleh Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Datuk Wan Saiful Wan Jan.

Sempena Kempen Jom Beraya, Jom Menyimpan SSPN 2021

Hadiah hampir RM200,000 untuk dimenangi

YUSOFF BAKRI

mulia.com.mv

PETALING JAYA: Bukan sekadar mengurus dan membantu urusan bayaran balik pinjaman bagi tujuan pendidikan tinggi. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sekali lagi kembali dengan Kempen Jom Beraya, Jom Menyimpan SSPN 2021 untuk semua pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).

Dengan hanya menyimpan sekurang-kurangnya RM300 menerusi Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). pendeposit kini berpeluang memenangi hadiah wang tunai bernilai RM8.000 bagi peringkat nasional dan RM5,000 di peringkat negeri dengan jumlah minimum simpanan bersih bernilai RM100.

Ini meniadikan jumlah keseluruhan hadiah yang disediakan bernilai hampir RM200,000. PTPTN dalam satu kenyataan

berkata, kempen ini bermula pada 1 Mei sehingga 31 Mei ini untuk semua pendeposit SSPN dengan membuka akaun atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh kempen.

Bilangan cabutan mengikut simpanan bersih yang dibuat pendeposit SSPN. Pendeposit juga perlu memastikan akaun kekal aktif dan tidak ditutup sehingga tarikh cabutan.

"Bagaimanapun, kempen ini tidak layak disertai kakitangan PTPTN dan ahli keluarga merangkumi pasangan ataupun anak-anak," ujarnya. Dalam pada itu, PTPTN

berkata, setiap pendeposit layak untuk memenangi hadiah bagi peringkat negeri dan peringkat nasional dengan membuat simpanan sekurang kurangnya RM300 sepanjang tempoh kempen. "Nilai simpanan bersih bagi

Nilai simpanan bersih bagi kategori negeri adalah RM100 dengan satu cabutan manakala RM300 bagi peringkat nasional."

kategori negeri adalah RM100 dengan satu cabutan manakala

RM300 bagi peringkat nasional." "Penentuan kelayakan cabutan peringkat negeri adalah berdasarkan alamat surat menyurat pada akaun terakhir yang dibuka oleh pendeposit," jelasnya.

Setiap hadiah yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun SSPN-i dalam tempoh dua bulan dari tarikh cabutan.

"Pendeposit boleh membuka akaun atau membuat penambahan simpanan secara online dengan melayari www. lovesspn.com. di kaunter cawangan PTPTN atau melalui ejen-ejen yang telah dilantik," jelas PTPTN.

Menurut PTPTN, setiap hadiah yang dimenangi dalam kempen ini bagaimanapun tidak layak untuk potongan cukai di bawah SSPN kerana hadiah tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada potongan yang layak daripada potongan yang layak dituntut pendeposit.

"Potongan yang dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih (jumlah caruman pendeposit) di dalam SSPN yang dilakukan oleh individu yang terhad kepada RM8,000 dalam satu tahun sahaja," jelasnya.

APA KATA PEMENANG **KEMPEN JOM** BERAYA, JOM **MENYIMPAN 2020**





5

SAYA memang sering masukkan duit ke dalam SSPN untuk kegunaan masa hadapan keduadua orang anak saya.

Mungkin saya bernasib baik kerana saya memenangi tempat ketiga dalam kempen berkenaan dan sebagai hadiah tempat ketiga sava menerima wang tunai kirakira RM2,000. Dengan cara itu, kempen tersebut telah memberi motivasi kepada saya untuk terus menyimpan dan menabung demi pendidikan anak-anak.

MOHD. AZHAR ABDULLAH





SAYA sekeluarga bukan datang daripada keluarga yang senang, jadi menabung adalah satu amalan yang diutamakan dalam keluarga.

Simpanan yang saya lakukan untuk kedua-dua orang anak perempuan saya sangat berbaloi kerana berbanding dengan bank lain, kadar faedah keuntungannya lebih tinggi.

Kempen tersebut telah memberi impak yang positif kepada kami."

CHANG HENG LIN





MELALUI kempen itu saya telah memenangi hadiah saguhati bernilai RM500 vang dimasukkan terus ke dalam akaun simpanan saya di SSPN.

SSPN memberi sava alternatif lain selain bank untuk membuat simpanan. Kempen tersebut juga memberi galakan untuk saya terus

ANAND A/L GHNAVELLO